



جَابِتِن مُفْتِي نَكْرِي قَدَح دَارِ الْأَمَانِ

JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH



**ISU LESBIAN, GAY, BISEKSUAL &
TRANSGENDER (LGBT)**

LATAR BELAKANG

Golongan LGBT adalah golongan yang menghadapi kekeliruan identiti. Kebanyakan golongan transeksual menganggap diri mereka terperangkap dalam fizikal jantina yang berlawanan dengan minda dan perasaan mereka.

Keyakinan tersebut mendorong segelintir daripada komuniti ini nekad melakukan pembedahan menukar jantina akibat terbelenggu dengan konflik diri untuk menerima jantina sendiri.

LGBT juga boleh dikategorikan sebagai penyakit psikitari atas faktor kecelaruan pemikiran yang dihadapi. Penyakit ini juga tidak terhad kepada gender semata-mata tetapi turut merangkumi beberapa aspek lain seperti warna kulit, usia dan lain-lain.

ISU DAN MASALAH

- Di Malaysia, isu transeksual dianggap sebagai fenomena yang kompleks kerana melibatkan pelbagai faktor termasuk isu biologi, psikologi, persekitaran dan sosial mereka yang terlibat.
- Secara umumnya, gambaran masyarakat terhadap kelompok transeksual ini menjurus kepada lelaki yang bersifat keperempuanan atau perempuan yang bersifat kelelakian dan sering dikaitkan dengan homoseksualiti (lesbian / gay).
- Kajian ke atas kelompok golongan LGBT mendapati 65% daripada transgender menjadikan aktiviti pelacuran sebagai salah satu mata pencarian. 25% daripada mereka terlibat dengan kelab malam dan lain-lain manakala sekitar 10% sahaja yang tidak melibatkan diri dengan aktiviti seumpamanya (sektor perniagaan dan lain-lain).
- Golongan yang terlibat dengan LGBT terbahagi kepada dua kelompok utama iaitu pesakit yang memerlukan rawatan daripada pakar psikitari dan golongan yang berjuang menuntut hak asasi manusia untuk membela golongan tersebut.
- Justeru, golongan ini dilabel sebagai menyimpang dari norma masyarakat dan sering dipinggirkan. Atas faktor tersebut mereka berjuang menuntut supaya masyarakat menerima dan mengiktiraf kehadiran mereka seterusnya

HUJJAH DAN DALIL

Pembedahan untuk menukar jantina samada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya jelas bercanggah dengan hukum syarak. Perbuatan ini adalah haram kerana ia semata-mata mengikut hawa nafsu, terpedaya dengan godaan syaitan, tidak mensyukuri nikmat kejadian diri dan termasuk dalam kategori mengubah kejadian Allah SWT, seperti firmanNya;

وَلَا ضِلَّانَهُمْ وَلَا أَمِينَهُمْ وَلَا مُرْتَهَمٌ فَلَيْبَتِكُنَّ إِذَا كُنَّ الْأَنْعَامِ وَلَا مُرْتَهَمٌ
فَلْيُغَيِّرْ خَلْقَ اللَّهِ

Maksudnya; “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran) dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah”

(an Nisa' : 119)

Selain melaknat hubungan sesama jantina, Islam juga melarang keras lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya. Lelaki berlagak perempuan dan perempuan berlagak lelaki adalah bibit-bibit yang boleh mengundang perbuatan maksiat. Sabda Nabi SWT

عن ابن عباس رضي الله عنهما: قال لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء بالرجال .

Maksudnya; “Daripada Ibn Abbas R.A berkata bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki”

(Riwayat al Bukhari)



CADANGAN PENYELESAIAN

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 telah memperuntukan hukuman bagi setiap kesalahan Syariah yang melibatkan isu LGBT seperti pelacuran, orang lelaki berlagak seperti perempuan, menggalakkan maksiat dan sebagainya. Bagaimanapun, mahkamah akan menjatuhkan hukuman kepada golongan LGBT yang melakukan kesalahan jenayah berkenaan setelah dikemukakan bukti keterangan lengkap.

Pelan Tindakan Menyantuni Golongan LGBT;

1. Merangka modul menggunakan pendekatan agama berteraskan kepada al-Quran dan al-Hadith untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada peserta untuk terlibat dalam usaha bimbingan dan panduan serta penyantunan kepada golongan LGBT.
2. Menyelaraskan program dakwah sepadu dalam usaha menyantuni golongan tersebut melibatkan kerjasama agensi Kerajaan dan NGO.
3. Bahagian Dakwah dan Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah perlu bergerak secara bersepadu dan terancang dalam usaha membimbing dan mengembalikan golongan ini kepada kehidupan fitrah dan kembali menjalani kehidupan yang lebih sejahtera selari dengan tuntutan syariat.
4. Mendekati kumpulan LGBT yang telah insaf dan ingin kembali ke pangkal jalan.

PENUTUP

Jalan dakwah ialah jalan Baginda Nabi SAW, seorang Nabi yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 107 maksudnya: *"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."*

Walaupun secara prinsipnya perlakuan LGBT tidak dapat diterima berdasarkan panduan daripada al-Quran dan al-Hadis, undang-undang serta norma budaya masyarakat Malaysia, namun ia tidak menafikan hak golongan ini untuk dibimbing dan dinasihati.

Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip dakwah dalam Islam agar memberi peluang kepada mereka yang melakukan dosa dan maksiat untuk memperbaiki diri dan mendapatkan pengampunan Allah.

Oleh itu, disarankan pihak Kerajaan Negeri Kedah bertindak secara proaktif menangani isu ini melalui jalinan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti JHEAIK, KEMAS, Jabatan Mufti serta NGO-NGO yang berkaitan.